

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 24 Jun 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN APRIL 2025

**Indeks Pelopor terus bertumbuh 0.5 peratus pada April 2025,
menggambarkan ekonomi kekal berdaya tahan**

PUTRAJAYA, 24 Jun 2025 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan bagi April 2025**. Indeks Pelopor (IP) memberi petunjuk awal tentang titik perubahan dalam kitaran perniagaan dan arah tuju ekonomi bagi tempoh terdekat.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "IP April 2025 mengekalkan pertumbuhan tahunannya yang positif pada kadar 0.5 peratus, mencatatkan 113.6 mata berbanding 113.0 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Paparan I**). Peningkatan dua digit dalam Import Benar Semi Konduktor (27.2%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar (24.1%) menyumbang kepada pertumbuhan ini, walaupun empat komponen lain menunjukkan penurunan. Selaras dengan itu, prestasi bulanan IP mencatatkan peningkatan bagi bulan kedua berturut-turut dengan 0.8 peratus, disokong oleh kenaikan 0.5 peratus dalam Bilangan Syarikat Baru Didaftar."

Kadar pertumbuhan IP terlicin bagi April 2025 kekal berada di bawah 100.0 mata (**Paparan II**), mencerminkan prospek ekonomi Malaysia yang berdaya tahan disokong oleh pasaran buruh yang positif dan permintaan domestik yang berterusan. Asas-asas

ini diperkukuhkan lagi oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah dan corak penggunaan yang menggalakkan.

Berhubung dengan prestasi ekonomi semasa, Indeks Serentak (IS) mencatatkan peningkatan tahunan sebanyak 1.0 peratus, mencecah 126.7 mata pada April 2025 berbanding 125.4 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan lima daripada enam komponen terutamanya Kapasiti Penggunaan dalam Pembuatan (3.4%). Sebaliknya, pada asas bulanan, IS menurun 0.1 peratus disebabkan oleh penurunan dalam Nilai Caruman Benar, KWSP (-0.5%) dan Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit (-0.4%).

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 JUN 2025

LAMPIRAN I

Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor

